

“Kita harus meneruskan perjuangan kita. Kita tidak boleh menyerah kalah kepada mereka!!! Kita telah diperdaya. Tanah tumpah darah kita semakin hilang dirampas oleh mereka...”, suara lantang Tok Semat kedengaran di setiap pelusuk kawasan hutan itu. Anak-anak buah Tok Semat mengangguk-anggukkan kepala tanda setuju. Ada yang terlalu muda untuk faham apa yang dikatakan oleh Tok Semat, mereka hanya mendengar dan mendiamkan diri saja.

“Jadi, apa yang mesti kita buat Tok?”, tanya Daeng Leman berkobar-kobar.

“Kita akan jumpa ketua mereka esok..., kita akan tuntutan semula hak kita. Ini tanah tumpah nenek-moyang kita. Sudah beribu-beribu tahun keturunan kita telah hidup di hutan belantara ini. Hutan ini adalah rumah kita” kata Tok Semat berapi-api.

“Ya...betul, betul tu Tok...” kedengaran suara sahutan anak-anak buah Tok Semat. Tok Semat terasa seperti seorang panglima muda semula. Meskipun dia sudah berumur 60an tahun, dia terasa seperti darah muda mula mengalir di dadanya semula. Dia mesti memperjuangkan nasib anak-anak bangsanya.

Pagi yang ditunggu pun tiba. Ramai anak-anak buah Tok Semat telah mula berkumpul di perkarangan pondok Tok Semat sebelum pukul 7 pagi lagi. Mereka kelihatan tidak sabar-sabar lagi menunggu kemunculan Tok Semat. Tok Semat terasa seperti panglima besar hari itu. Dengan lilitkan sehelai tuala usang dikepalanya dan menyelit sebilah parang tua di pinggangnya, Tok Semat terasa seperti ingin pergi ke medan pertempuran pula! Tapi, zaman sekarang bukan seperti waktu nenek moyangnya suatu ketika dahulu. Pertempuran kali ini lebih kepada perjuangan minda, mempertahankan hak mereka dengan dalil-dalil yang sah lagi bernas. Tidak dikotak-katik oleh kepentingan sesiapa saja. Masa depan anak bangsa harus diutamakan. Jika tidak, generasi akan datang tidak tahu asal-usul keturunan mereka sendiri.

“Ayuh, mari kita semua pergi ke berjumpa Tuan Hasan, ketua bagi projek di kawasan ini”, kata Tok Semat dengan bersemangat. “Ayuh...” anak-anak buah Tok Semat menyahut.

Derap langkah mereka memecah keheningan pagi. Mereka meredah denai dan anak-anak sungai untuk tiba di rumah Tuan Hasan. Tuan Hasan yang sedang duduk di ambin rumahnya bagaikan tersentak melihat Tok Semat dan pengikut-pengikutnya yang sekitar lapan puluh orang berbaris ke rumahnya. Dia pun membuang putung rokok yang baru dihisapnya ke tanah.

“Tuan Hasan...Tuan Hasan, kembalikan tanah kami...kembalikan...”, jerit Daeng Leman kepada Tuan Hasan. Daeng Leman sudah tidak boleh bersabar lagi. Dia rasa tertipu dengan janji-janji yang diucapkan oleh Tuan Hasan dan orang-orangnya. Mereka telah dijanjikan dengan berbagai-bagai kesenangan jika mereka bersetuju untuk tinggal secara tetap di dalam sebuah rumah yang diberikan oleh kerajaan. Akhirnya, Tok Semat dan anak-anak buahnya mendapat sebuah rumah yang dibina oleh pemerintah setelah mereka bersetuju untuk menetap di satu tempat yang disediakan oleh pemerintah. Rumah mereka berdekatan di sebuah kawasan terbuka berdekatan sebuah sungai. Malangnya, setelah tinggal di rumah itu, barulah mereka tersentak dari lamunan. Rumah yang mereka anggap sebagai tempat untuk mereka berteduh itu rupa-rupanya adalah tukar ganti kepada mata pencarian mereka di hutan. Sudah sukar bagi Tok Semat dan anak buahnya mencari hasil rezeki seperti ubi keledak, keladi dan pucuk ubi. Agak sukar juga bagi mereka untuk memetik buah-buahan seperti buah mentega, rambutan, pisang dan lain-lain lagi kerana ada sebahagian daripada hutan itu sudah dikepung dan mereka tidak dibenarkan untuk masuk ke situ. Mata pencarian mereka sudah terjejas kerana hutan itu telah dijelajah oleh jentolak yang meranapkan banyak hasil bumi di hutan itu. Mereka juga sudah tidak boleh memburu binatang-binatang hutan seperti rusa, tupai, kijang dan sebagainya kerana banyak binatang-binatang itu telah lari bersembunyi jauh ke dalam hutan kerana rumah hutan mereka telah dirobohkan oleh manusia.

Baru mereka sedar bahawa Tuan Hasan dan pasukannya mahu Tok Semat dan pengikutnya tidak tinggal dan bermain di dalam hutan lagi. Mereka mahu Tok Semat dan anak-anak buahnya tinggal seperti orang lain, iaitu di dalam rumah. Jika Tok Semat dan orang-orangnya terus tinggal di dalam hutan, Tuan Hasan dan orang-orangnya tidak dapat meneruskan projek mega yang kerajaan rancang untuk hutan di kawasan tersebut.

“Tok Semat, Daeng Leman...mengapa marah-marah ni?”, tanya Tuan Hasan gelisah.

“Kami mahu tanah kami kembali. Kami tidak perlukan rumah yang diberikan kepada kami. Kami telah dihalang untuk mencari makan di dalam hutan..” jawab Daeng Leman dengan suara yang marah.

“Bukankah pihak kami sedang cuba membantu Tok Semat dan semua yang ada sekarang? Pihak kami berikan rumah untuk semua orang agar Tok Semat dan anak-anak buah Tok dapat hidup dengan selesa dan tidak beratapkan langit dan berlantaikan bumi. Pihak kami ingin memperbaiki kehidupan orang-orang sekeliling.” Jawab Tuan Hasan cuba menerangkan duduk perkara.

“Kami rasa tertipu Tuan Hasan. Setelah kami diberikan sebuah rumah, kami sukar mencari rezeki di hutan kerana banyak pokok-pokok yang telah ditumbang dan binatang semua banyak yang lari masuk jauh ke dalam hutan. Bukankah Tuan Hasan sudah tahu bahawa sejak dari zaman nenek-moyang kita lagi, hutan itu telah menjadi nadi kehidupan kami semua. Rumah kami di dalam hutan. Hidup kami berlatarbelakangkan hutan belantara, segala yang kami inginkan ada di dalam hutan ini. Kami ambil yang perlu saja. Tidak pernah terlintas di hati kami untuk merosakkan hutan ciptaan hutan ini. Mengapakah hutan ini sekarang dicereboh? Apakah niat sebenar pihak Tuan Hasan? Kehidupan kami yang asli telah dirampas dari kami!!!”, Tok Semat bersuara dengan lantang dengan tajam. Tuan Hasan hanya berdiam saja. Dia tahu keadaan amat genting sekali. Tok Semat dan anak-anak buahnya semakin lantang

menyuarakan pendapat dan hak mereka. Pagi yang dingin terasa panas dan bahang sekali. Tuan Hasan berasa seluruh tubuhnya berpeluh!

“Hasan apa yang engkau termenungkan”, tanya Tuan Rosli kepada sahabat karibnya, Tuan Hasan. Mereka berdua sedang duduk berehat sambil menantikan waktu untuk masuk ke bilik persidangan untuk menghadiri sebuah mesyuarat bagi pegawai tinggi.

“Aku bingung memikirkan permasalahan ini. Aku tidak tahu bagaimana harus aku sampaikan kepada pihak atasan tentang masalah Tok Semat dan anak-anak buahnya. Mereka tidak mahu rumah yang diberikan oleh kerajaan. Mereka mahu tanah mereka kembali. Mereka mahu kehidupan mereka dikembalikan kepada mereka. Mereka mahu hak mereka semula!!!” Tuan Hasan berkata dengan nada yang amat tertekan.

“Kau harus faham Hasan. Hutan belantara yang selama ini didiami oleh Tok Semat dan anak-anak buahnya dapat menjana dan mendatangkan faedah kepada negeri kita. Banyak yang boleh diterokai di dalam hutan itu. Hasil buminya boleh mendatangkan keuntungan yang amat lumayan sekali kepada negeri kita. Negeri kita akan bertambah maju dengan membangunkan hutan itu” tegas Tuan Rosli cuba menyakinkan sahabatnya yang kelihatan bingung dan simpati terhadap Tok Semat dan orang-orangnya.

Tuan Rosli hanya menundukkan kepala. Dia di dalam dilemma. Jauh di sudut hatinya, dia amat bersimpati kepada Tok Semat dan orang-orangnya. Dia juga tidak sanggup melihat Tok Semat dan orang-orangnya hilang cara kehidupan mereka yang sebenar. Itulah budaya mereka dan budaya kehidupan nenek moyang mereka. Sudah beribu-ribu tahun keturunan mereka mendiami hutan belantara ini, mereka hidup seadanya, tidak pernah ada perasaan tamak di dalam diri mereka. Hasil tanaman atau binatang buruan yang mereka dapat, mereka kongsi bersama. Mereka tidak pernah mengambil lebih dari apa yang diperlukan. Mereka hidup seiringan dengan makhluk Tuhan yang lain. Malah, untuk menjaga kestabilan hutan belantara

itu, mereka akan menanam semula benih-benih pokok untuk menggantikan apa yang telah mereka ambil selama ini.

“Lagi pun Hasan, sampai bila mereka ingin hidup di dalam hutan. Mereka harus mengikuti arus pembangunan. Hutan yang selama ini mereka tinggal itu sebenarnya milik negara. Mereka tidak punya hak ke atas hutan itu. Sepatutnya, mereka harus berterima kasih kepada kerajaan kerana sanggup memberi setiap diantara mereka sebuah rumah untuk mereka tinggal. Bukankah itu lebih baik?”, tegas Tuan Rosli memberikan hujahnya.

“Apa yang kau katakan itu memang tidak salah Rosli. Tapi apakah kita sanggup menggadaikan suatu budaya dan tamadun yang telah begitu lama dipegang dan dipertahankan oleh Tok Semat dan orang-orangnya hilang begitu sahaja? Mereka adalah sebahagian daripada sejarah hidup negara kita. Kita sepatutnya berbangga dengan kehidupan mereka yang lalui selama ini. Walaupun mereka hidup di dalam hutan, mereka tidak pernah merosakkan hutan atau mengkhianati pemberian Tuhan ini”, jawab Tuan Hasan kembali.

Perbualan antara dua sahabat itu terhenti apabila masa untuk masuk ke bilik mesyuarat pun tiba. Tuan Hasan melangkah masuk ke bilik itu dengan berat hati. Dia tahu bahawa menteri besar sudah mendapat berita tentang bantahan yang disuarakan oleh Tok Semat dan orang-orangnya. Menteri Besar, Tuan Roslan Idrus, pasti mahu tahu kedudukan perkara yang sebenar dan apakah tindakan yang oleh Tuan Hasan dalam menangani isu yang semakin meruncing ini.

“Hasan, apa benar berita yang saya dengar ini tentang bantahan Tok Semat dan orang-orangnya”, tanya Menteri Besar, Tuan Roslan Idrus.

“Benar Tuan, mereka ingin tanah mereka semula. Mereka tidak mahu rumah yang kita bina”, jawab Tuan Hasan dengan penuh berhati-hati. Dia pasti Menteri Besar itu tidak akan gembira dengan apa yang diucapkan olehnya. Semua orang yang berada di dalam bilik itu

mendiamkan diri. Tuan Hasan berasa seram sejuk seluruh badan. Semua mata terarah kepadanya.

“Tidak Hasan, kami tidak akan berganjak dengan keputusan kami. Pihak kerajaan telah menghabiskan banyak wang untuk membina rumah baru bagi Tok Semat dan orang-orangnya. Kami akan meneruskan projek di hutan itu kerana ia akan membawa banyak keuntungan kepada negara. Orang-orang asli itu harus berani menyesuaikan diri dan tidak berada di takuk yang lama”, tegas Tuan Roslan Idus kepada semua yang ada di dalam bilik mesyuarat itu.

“Tapi ini juga mengenai cara hidup dan budaya yang mereka amalkan selama ini Tuan...” jawab Tuan Hasan cuba menerangkan duduk perkara.

“Budaya yang lapuk harus ditinggalkan jika ia tidak mendatangkan apa-apa kebaikan!” tegas Menteri Besar itu lagi. Tuan Hasan tahu tiada gunanya dia berkata apa-apa lagi. Dia terpaksa akur dengan kata putus Menteri Besar itu. Hatinya terasa pedih kerana dia tidak dapat menolong menyuarakan pendapat Tok Semat dan orang-orangnya. Pasti mereka akan berasa hampa dengan keputusan yang muktamad itu apabila berjumpa semula dengan Tuan Hasan nanti.

**Tok Semat kelihatan gelisah.** Hujan lebat yang turun tidak henti-henti selama empat hari telah membuat sungai berdekatan rumah Tok Semat semakin tinggi paras airnya. Dia menyedari bahawa air sungai semakin naik dan telah melimpah membanjiri tanah berdekatan rumahnya. Ada beberapa buah rumah orang-orangnya telah dinaiki air paras betis.

“Tok Semat...Tok Semat tolong kami...rumah kami dimasuki air. Anak saya ketakutan”jerit seorang wanita yang mendukung anak kecilnya yang berusia dua tahun.

“Masuk...masuk...masuk ke dalam rumah. Maknye..bawa mereka ke dalam...” Tok Semat memanggil isterinya agar menolong wanita itu masuk ke dalam rumah mereka. Isterinya, Mak Jenap menjemput wanita dan anaknya masuk ke dalam rumah.

Tok Semat kelihatan cemas. Dia tahu paras air sungai semakin tinggi disebabkan hujan lebat yang turun tidak henti-henti selama beberapa hari. Ini diburukkan lagi dengan penghakisan tanah akibat masalah pembalakan yang berlaku secara berleluasa di hutan itu sejak mereka tidak tinggal lagi di dalam hutan. Sudah hampir setahun mereka tinggal di rumah baru mereka di tepi sungai. Selama ini, mereka tidak pernah menghadapi masalah sedemikian rupa. Air sungai tidak pernah melimpahkan airnya luar daripada sungai. Mungkin alam marah terhadap manusia kerana pencerobohan yang dilakukan terhadap mereka! Bisik hati kecil Tok Semat.

“Boom....boom....kedeboom....” terdengar bunyi dentuman yang amat kuat sekali. Tok Semat dan isteri bergegas melihat ke luar jendela. Alangkah terperanjatnya mereka, ada beberapa rumah papan yang berdiri di tepi sungai mulai roboh dihanyut air sungai yang begitu deras sekali. Mak Jenap menjerit ketakutan dan mula menangis.

“Orang kita pak...orang kita pak...” Mak Jenap menundingkan jarinya ke arah sungai di mana kelihatan dua orang lelaki yang hanyut dibawa arus yang begitu kuat. Tanpa membuang masa, Tok Semat terus terjun ke dalam sungai untuk cuba menyelamatkan orang-orangnya.

“Jangan pak...jangan...terjun” jerit Mak Jenap. Malangnya, kata-kata Mak Jenap agak terlambat. Pak Semat telah pun berada di dalam air sungai dan berjuang untuk menyelamatkan anak buahnya.

“Bapak...bapak...lihat di belakang kamu...” jerit isterinya sambil menangis. Malangnya, jeritan Mak Jenap tidak didengari oleh Tok Semat. Tok Semat telah dihempap oleh sebuah pokok kayu yang besar yang telah tumbang masuk ke dalam sungai.

“Ah...Tuhan...” suara Tok Semat sudah tidak kedengaran lagi. Dia telah ditenggelami oleh batang pokok kayu itu dan seluruh badannya sudah tidak kelihatan lagi. Apa yang

kelihatan hanyalah air sungai yang bertukar warna perlahan-lahan menjadi warna merah darah! Mak Jenap terduduk kaku. Airmatanya tidak dapat dibendung lagi. Ia turun dengan deras seperti hujan yang turun tanpa henti selama beberapa hari. Suara raungan mak Jenap yang memanggil-manggil nama Tok Semat begitu pilu dan menyayat hati sekali.

Pagi membuka tirainya. Tuan Hasan bersiap-sedia untuk pergi berjumpa Tok Semat dan orang-orangnya setelah ia mendapat tahu ada rumah yang rosak akibat hujan lebat yang turun tempoh hari. Dia harus melihat keadaan rumah-rumah mereka dan membantu mereka jika perlu. Tuan Hasan berjalan dengan tergesa-gesa. Hatinya berasa tidak tenteram dan seperti ada sesuatu yang menanti beliau, bisik hati kecilnya.

Alangkah terperanjatnya Tuan Hasan apabila dia tiba di perkarangan rumah Tok Semat dan kawasan sekelilingnya.

"Tok Semat...Tok Semat...", Tuan Hasan memanggil nama Tok Semat cemas tetapi tiada jawapan. Tuan Hasan melihat sekeliling. Tiada satu pun bayangan manusia yang kelihatan di situ. Dimanakah Tok Semat dan anak-anak buahnya? Bisik hati kecilnya.

Tuan Hasan melihat keadaan sekeliling. Ada beberapa buah rumah yang roboh akibat dihanyutkan air sungai dan ada banyak lagi rumah yang rosak akibat hujan lebat dan banjir. Pokok-pokok tumbang kelihatan di sana-sini. Hati Tuan Hasan sungguh pilu. Kemanakah Tok Semat dan orang-orangnya pergi.

Tiba-tiba dari kejauhan, Tuan Hasan melihat Daeng Leman dan beberapa orang mendekati dirinya. Kesedihan jelas terpancar di wajah mereka.

"Daeng Leman...apa yang telah terjadi? Di mana Tok Semat?", Tuan Hasan bertanya kepada Daeng Leman.



“Tok Semat telah mati ketika cuba menyelamatkan orang-orang kami ketika hujan lebat di sungai. Kami juga telah membuat keputusan untuk pindah dari sini. Kami akan membina kehidupan kami di dalam hutan semula. Di situlah tempat asal kami. Kami tidak perlu rumah baru ini jika kami terpaksa menggadaikan budaya dan kehidupan kami yang asli. Orang-orang kami semua telah kembali ke hutan untuk membina kehidupan mereka semula. Maafkan kami Tuan Hasan...” jelas Daeng Leman penuh kekecewaan.

Tuan Hasan terdiam dan terpaku mendengar penjelasan Daeng Leman. Dia tidak sangka Daeng Leman dan semua penduduk di situ sanggup membuat keputusan yang mendadak. Dia tidak tahu bagaimanakah lagi untuk menyakinkan Daeng Leman dan orang-orangnya. Adakah dia telah gagal untuk membantu Tok Semat dan anak-anak buahnya selama ini? Adakah dengan kembali ke hutan dapat menyelesaikan pergolakan hidup yang dihadapi oleh Daeng Leman dan orang-orangnya sekarang? Hati Tuan Hasan pedih bagai dihiris sembilu. Yang mana satu harus dia pilih, mempertahankan sebuah tamadun dan kebudayaan ataupun mengikut arus kemodenan yang merubah segala yang ada. Tuan Hasan termenung jauh tanpa bicara!

Jumlah perkataan: 2331 perkataan